

20 SEP 2002

MAHATHIR-BELANJWAN (SIDANG)/I

PERTUMBUHAN NEGARA MESTI DIDORONG SUMBER DOMESTIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa pertumbuhan negaramestilah didorong tempatan dan dijana oleh sumber-sumber tempatan dan juga aktiviti-aktiviti pelaburan domestik yang lebih besar.

"Kita mendapati bahawa kita terlalu bergantung kepada perdagangan asing, pelaburan langsung asing (FDI) dan di luar perniagaan sedangkan di banyak negara perdagangan luar, sungguhpun satu unsur yang besar, tidak besar peratusan daripada Keluaran Dalam Negara Kasar," katanya.

Beliau berkata kerana itu, kerajaan perlu meningkatkan sumbangan domestik terhadap KDNK dan pada masa yang sama tidak mengurangkan perdagangan (asing).

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan 2002/2003 di Dewan Parlimen hari ini.

Apabila ditanya mengenai faktor-faktor yang telah menyumbang kepada ramalan yang agak lebih tinggi bagi KDNK tahun depan, Dr Mahathir berkata sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan dijangka menjadi penyumbang utama kepada peningkatan KDNK dan pertumbuhan yang lebih tinggi.

"Kerana, KDNK yang rendah tahun ini akan menjadikannya terlalu mudah (untuk kita) mencapai pertumbuhan lebih tinggi. Kita telah mengkaji rancangan, pesanan-pesanan, buku tempahan, dan semuanya... terdapat permintaan, yang membantu industri pembuatan kita untuk berkembang, dan jelaslah trend berhubung dengan industri perkhidmatan adalah juga amat baik,"kata beliau.

Semasa pembentangnya, Dr Mahathir mengumumkan bahawa kerajaan yakin yang negara akan mencapai pertumbuhan ekonomi lebih tinggi pada 2003, berasaskan kepada strategi-strategi dan langkah-langkah yang dicadangkan di dalam Belanjawan dan juga pemulihan lebih mantap sektor swasta dalam menjana aktiviti-aktiviti ekonomi.

KDNK dianggarkan berkembang di atngara 6.0 hingga 6.5 peratus.

Apabila diminta mengulas mengenai sama ada Malaysia akan terdesak kerana tidak mengenakan cukai korporat lebih rendah dengan ekonomi-ekonomi lain seperti Jepun, Korea Selatan dan Thailand, Dr Mahathir berkata kadar cukai termasuk cukai korporat di negara-negara lain mungkin rendah tetapi mereka masih mengenakan cukai ke atas dividen.

Dalam kes Malaysia, beliau berkata kerajaan tidak mengenakan cukai ke atas dividen tidak seperti Taiwan yang mengenakan cukai ke atas dividen sebanyak 30 peratus, Jepun, 30 peratus dan Thailand 10 peratus.

"Jika kita campurkan mereka, cukai mereka tidak begitu rendah, berasaskan kepada kajian yang telah dijalankan (oleh Malaysia), kadar cukai di ekonomi-ekonomi itu tidak sebaik yang dilihat," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak melihat bahawa regim cukai korporat yang rendah akan menarik FDI ke Malaysia, tetapi tidak semestinya.

Apabila diminta menjelaskan kenapa terdapat penurunan dalam permohonan (pelaburan) melalui MIDA, Dr Mahathir berkata tidak begitu kerana kadar cukai memandangkan Malaysia telah berjaya dalam menarik FDI malahan apabila regim cukai korporat adalah lebih tinggi, pada 40 peratus (pada tahun 1980-an).

"Bila kadar (cukai) adalah tinggi sebanyak 40 peratus, pelaburan masih masuk tetapi kini bila kadar adalah 28 peratus, tiada siapa merasa cubitan kerana jumlah FDI telah merosot.

Pada masa yang sama, katanya lebih banyak pelaburan kini dihalakan ke

China walaupun kerajaan mengenakan kadar cukai yang lebih rendah.

Mengenai tambatan ringgit, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak pernah menerima sebarang aduan daripada golongan perniagaan. -- BERNAMA

WNZ KTC OS